



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

WANITA HARAPAN NEGARA TEMA SAMBUTAN HARI WANITA KEBANGSAAN 2018

PUTRAJAYA, 19 SEPTEMBER 2018 - Sambutan Hari Wanita Kebangsaan (HWK) 2018 telah diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada hari ini. Bertemakan 'Wanita Harapan Negara', ianya bertujuan untuk memberi inspirasi kepada golongan wanita selain meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai peranan dan keupayaan kaum wanita dalam pembentukan keluarga, perpaduan dan pembangunan masyarakat dan negara.

Mulai tahun ini, sambutan HWK akan menfokuskan kepada program-program berbentuk platform yang mengupas isu-isu serta cabaran-cabaran yang mendepani golongan wanita. Bersempena sambutan HWK 2018, para hadirin telah mengikuti sesi interaksi dan diskusi bersama tujuh orang ahli panel dari pelbagai pengalaman dan latar belakang termasuklah ahli politik, ahli akademik, pakar agama, mangsa keganasan rumah tangga dan juga wakil generasi Z yang membincangkan isu-isu merangkumi penglibatan wanita dalam politik, kepimpinan, sains dan teknologi, keganasan terhadap wanita, gangguan seksual serta mendepani cabaran bagi golongan kurang upaya.

Ketika merasmikan majlis penutup sambutan HWK, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail berkata, dalam memacu Malaysia untuk mencapai status negara maju yang dihormati di mata dunia, golongan wanita harus mengorak langkah aktif untuk sama-sama memastikan Malaysia berada di landasan yang kukuh menuju ke persada yang lebih tinggi dan terhormat.

Bagi merealisasikan hasrat ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terus komited dalam memperkasakan golongan wanita dengan kemahiran dan kompetensi yang relevan, terutama kepimpinan, bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka untuk menduduki kerusi lembaga pengarah dalam sektor korporat dan kebolehpayaan mereka sebagai pembuat keputusan dalam pelbagai bidang lain.

Menyedari besarnya impak peranan wanita terhadap ekonomi negara dan potensi peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara sekiranya penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan dapat dipertingkatkan, YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail mengingatkan para majikan keperluan mewujudkan employer value proposition yang bukan sahaja dapat menarik malah mengekal bakat terbaik dalam organisasi mereka. Ini termasuklah keperluan mewujudkan pusat penjagaan kanak-kanak sebagai satu pelaburan yang boleh membawa pulangan yang baik dari segi penarikan dan pengekalan tenaga kerja yang terbaik untuk organisasi mereka.

Turut hadir ialah YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Datuk Dr. Rose Lena Lazemi, Ketua Setiausaha KPWKM, pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Jabatan, rakan-rakan strategik dan seramai lebih kurang 400 orang tetamu pada majlis tersebut.

###

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
PUTRAJAYA
Tel: 03-8323 1088 Email: info@kpwkm.gov.my